Permohonan telah diterima daripada Rahim bin Mukeri yang beralamat di No. 6, Jalan Berlian 3, Taman Berlian, 43000 Kajang, Selangor dengan alasan hakmilik keluaran diakui hilang.

## JADUAL

Daerah—Kecil Rengit. Bandar/Pekan/Mukim—Kampung Bahru. No. Lot—4954.  
Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 231. Luas—0.9434 hektar.

Bertarikh 30 Oktober 2018  
[PPTR 01/03/04/16/2018 (HM/Hilang)]

ABDUL KARIM BIN HAJI BAKAR  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Daerah Kecil Rengit*

**No. 4141.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Lani bin Dani yang beralamat di PDL 66, Depan Surau, Kampung Permatang Duku Laut, 82200 Benut, Johor dengan alasan hakmilik keluaran diakui hilang.

## JADUAL

Daerah—Kecil Rengit. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Kluang. No. L.O.—2377.  
Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 654. Luas—0.7563 hektar.

Bertarikh 30 Oktober 2018  
[PPTR 01/12/04/23/2018 (HM/Hilang)]

ABDUL KARIM BIN HAJI BAKAR  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Daerah Kecil Rengit*

**No. 4142.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Krosnin bin Kasthy (K.P. 520707-01-5011) sebagai pemilik yang beralamat di No. 362, Jalan Mahsuri, Felda Pemanis 2, 85000 Segamat, Johor melaporkan hakmilik yang berjadual di bawah diakui telah hilang dalam simpanannya.

## JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Tiram. No. Lot—523.  
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 530. Luas—1.7149 hektar.

Bertarikh 31 Oktober 2018  
[PTJB/PEL/4/44/2018]

*Pentadbir Tanah  
Johor Bahru*

**No. 4143.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Mohammed Harith Irsyad Emier (K.P. 930811-01-5451) sebagai pemilik yang beralamat di No. 2, Jalan Kalong 1, Taman Kobena 2, 81200 Johor Bahru melaporkan hakmilik yang berjadual di bawah diakui telah hilang dalam simpanannya.

## JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Pulai. No. P.T.D.—206346 dan  
206347. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3956 dan H.S.(M) 3957. Luas  
—0.4295 hektar dan 0.4047 hektar.

Bertarikh 31 Oktober 2018  
[PTJB/PEL/4/45/2018]

*Pentadbir Tanah  
Johor Bahru*

**No. 4144.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Samsiah binti Suratman (K.P. 690916-01-6098) sebagai pentadbir yang beralamat di No. 105, Jalan Tiram Duku, 81560 Johor Bahru melaporkan hakmilik yang berjadual di bawah diakui telah hilang.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—638.  
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 355. Luas—0.5868 hektar.

Bertarikh 5 November 2018  
[PTJB/PEL/4/46/2018]

*Pentadbir Tanah  
Johor Bahru*

**No. 4145.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazaruddin bin Selamat, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 5 November 2018 di Pejabat Tanah Tangkak, Jalan Dataran 1, 84900 Tangkak, Johor jam 11.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM300,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu RHB Bank Berhad pada tarikh 2 Julai 2018 ialah RM343,193.58.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM30,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 5 Mac 2019 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh di perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Tangkak. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. Lot.—7748. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 862 (Dahulu: H.S.(M) 2031). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 732/2000, Perserahan No. 397/2004 dan Perserahan No. 3386/2012.

Bertarikh 2 Julai 2018  
[PTDT/22/04/LEL/1/2018]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
Tangkak

**No. 4146.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Norazimah binti Maaksom, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Rabu 21 November 2018 di Pejabat Tanah, Segamat jam 10.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM105,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu RHB Bank Berhad pada tarikh ini adalah RM63,515.42.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM10,500.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Lima Ratus Sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada (120 hari) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 20 Mac 2019 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jementah. No. P.T.D.—7105 (171.977 meter persegi). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3814. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1316/2006 bertarikh 18 Oktober 2006.

Bertarikh 25 Oktober 2018  
[PTDS.HM/L/4/2018]

NORAZIMAH BINTI MAAKSOM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

**No. 4147.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Bunga Mabela Hibuddin @ Haji Bunga beralamat di Jalan Kemajuan, No. 4, RT/RW: 003/004, Kel/Desa: Maccini Parang Kecamatan Makassar Sulawesi Selatan, Indonesia dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 760/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Alpha Megarich Sdn. Bhd. pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—381. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 407. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 2 Oktober 2018  
[PTJB/(PC) 11/2017]

*Pentadbir Tanah  
Johor Bahru*

**No. 4148.**

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN KULAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulai telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 38.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kulai pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

ASAS KEPADA PENDAPAT

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA LAIN

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Kulai dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

MAKLUMAT LAIN SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT MENGENAINYA

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kulai bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.



## TANGGUNGJAWAB YANG DIPERTUA TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Yang DiPertua bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1967. Yang DiPertua juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai, Yang DiPertua bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Kulai.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Yang DiPertua.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Yang DiPertua dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Kulai sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai atau jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kulai memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Yang DiPertua, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Kulai telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat untuk Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kulai dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MOHD. SAID BIN SUPAR  
*b.p. Ketua Audit Negara*  
*Malaysia*

Tarikh: 27 Ogos 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohd. Jailani bin Haji Kabeb, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Kulai, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai Dan Penyata Perbandinagn Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )  
penama yang tersebut di atas )  
di Kulai, Johor )  
pada 19 Ogos 2018 )

MOHD. JAILANI BIN HAJI KABEB

Di hadapan saya,

MUNIAN A/L GOLIKAN  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

Tarikh: 19 Ogos 2018

PENYATA YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Haji Mohammed Shakib bin Haji Ali dan Mosliadi bin Jasmani, yang merupakan Yang DiPertua dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulai dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kulai pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

HAJI MOHAMMED SHAKIB BIN HAJI ALI  
*Yang DiPertua*  
*Majlis Perbandaran Kulai*

MOSLIADI BIN JASMANI  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Perbandaran Kulai*

Tarikh: 19 Ogos 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2017

Nota	2017 RM	2016 seperti yang dinyatakan semula RM	1.1.2016 seperti yang dinyatakan semula RM
<b>ASET SEMASA</b>			
3	16,043,769	13,820,667	11,692,726
4	391,818	893,725	650,041
5	3,374,367	2,294,903	1,003,855
6	70,000,000	59,500,000	60,000,000
7	42,618,893	47,255,680	29,124,773
	<u>132,428,847</u>	<u>123,764,975</u>	<u>102,471,395</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
8	53,974,472	52,755,475	54,867,501
9	5,987,817	3,953,304	2,597,147
5	234,233	174,940	436,825
10	457,212	16,016	-
	<u>60,653,734</u>	<u>56,899,735</u>	<u>57,901,473</u>
	<u>193,082,581</u>	<u>180,664,710</u>	<u>160,372,868</u>
<b>JUMLAH ASET</b>			
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
11	18,397,937	23,764,452	17,381,302
12	62,410,084	54,907,814	41,727,782
	<u>80,808,021</u>	<u>78,672,266</u>	<u>59,109,084</u>
	<u>80,808,021</u>	<u>78,672,266</u>	<u>59,109,084</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>			
<b>ASET BERSIH</b>			
	<u>112,274,560</u>	<u>101,992,444</u>	<u>101,263,784</u>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>			
	112,174,560	101,892,444	101,163,784
	100,000	100,000	100,000
	<u>112,274,560</u>	<u>101,992,444</u>	<u>101,263,784</u>

PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017	2016 seperti yang dinyatakan semula
		RM	RM
<b>HASIL</b>			
Urusniaga bukan pertukaran	13	75,425,920	69,279,865
Urusniaga pertukaran	14	6,657,066	6,632,951
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>82,082,986</b>	<b>75,912,816</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
<b>Emolumen</b>			
Gaji dan upahan		9,502,357	8,340,292
Elaun tetap		3,124,296	2,796,239
Sumbangan berkanun untuk kakitangan		1,549,737	1,605,524
Elaun lebih masa		1,722,235	1,898,631
Faedah kewangan yang lain		165,221	126,722
Imbuan tahunan/bantuan khas kewangan		339,000	706,120
Elaun Ahli Majlis		286,688	280,090
		<b>16,689,534</b>	<b>15,753,618</b>
<b>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>			
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	15	278,587	320,686
Pengangkutan barang-barang		1,713	2,013
Utiliti	16	6,693,338	6,770,863
Sewaan	17	500,889	512,777
Bekalan bahan-bahan mentah	18	612,399	244,631
Bekalan dan bahan-bahan lain	19	539,459	532,345
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	20	25,699,280	23,917,455
Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti	21	6,608,032	6,693,183
		<b>40,933,697</b>	<b>38,993,953</b>
<b>PEMILIKAN HARTA MODAL</b>			
Alat kelengkapan	22	215,475	384,721
Pokok dan Benih	23	1,198	40,600
		<b>216,673</b>	<b>425,321</b>
<b>PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP</b>			
Pemberian dalam negeri	24	786,810	592,727
Ganjaran		—	—
		<b>786,810</b>	<b>592,727</b>
<b>PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN</b>			
Pelbagai perbelanjaan	25	290,190	845,187
Pulangbalik dan hapuskira		12,861	842,193
Perbelanjaan pembangunan	26	11,389,608	13,841,044
Hutang Ragu		1,032,226	1,260,565
		<b>12,724,885</b>	<b>16,788,989</b>
Susut nilai dan pelunasan		<b>2,155,061</b>	<b>2,737,258</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>73,506,660</b>	<b>75,291,866</b>
<b>LEBIHAN BAGI TAHUN</b>		<b>8,576,326</b>	<b>620,950</b>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

Nota	Kumpulan Wang Majlis	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	Pemberian Tertunda	Kumpulan Wang Pembangunan	Jumlah Aset Bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2016	96,423,336	-	18,645,021	4,740,448	6,375	119,815,180
- Seperti yang dinyatakan terdahulu						
Kesan pemaknaan awal MPSAS	4,740,448	100,000	(18,645,021)	(4,740,448)	(6,375)	(18,551,396)
Baki pada 1 Januari 2016	101,163,784	100,000	-	-	-	101,263,784
- Seperti yang dinyatakan semula						
Pelarasan tahun lalu	107,710	-	-	-	-	107,710
Lebihan bersih bagi tahun	620,950	-	-	-	-	620,950
Baki pada 31 Disember 2016	101,892,444	100,000	-	-	-	101,992,444
Pelarasan tahun semasa	1,705,790	-	-	-	-	1,705,790
Lebihan bersih bagi tahun	8,576,326	-	-	-	-	8,576,326
Baki pada 31 Disember 2017	112,174,560	100,000	-	-	-	112,274,560

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017	2016 seperti yang dinyatakan semula RM
		RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
(Kurangan)/Lebih bagi tahun	(a)	8,576,326	620,950
<b>Pergerakan Bukan Tunai</b>			
Susutnilai dan pelunasan		2,155,061	2,737,258
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan		-	663,118
(Peningkatan)/Pengurangan dalam peruntukan hutang ragu		(432,903)	1,197,414
Kumpulan Wang Sumbangan Perkhidmatan Kemajuan		4,623,963	7,465,541
Pendapatan Faedah		1,586,016	(2,974,586)
(Peningkatan)/Pengurangan belum terima		(2,800,659)	(4,598,201)
Peningkatan/(Pengurangan) belum bayar		(5,366,515)	12,097,642
Pelarasan Terdahulu		1,705,790	107,710
Faedah Diterima		3,134,391	2,974,586
	(b)	<u>4,605,144</u>	<u>19,670,482</u>
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(c=a+b)	<u>13,181,470</u>	<u>20,291,432</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Belian hartanah, loji dan peralatan		(3,436,254)	(1,305,906)
Belian aset tak ketara		(445,200)	-
Belian hartanah pelaburan		(1,402,292)	-
Tambahan kerja dalam kemajuan		(2,034,513)	(1,356,157)
Terimaan daripada jualan hartanah, loji & peralatan		-	1,539
Pindahan ke/dari aset tetap		-	-
Terimaan daripada jualan pelaburan		-	-
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		<u>(7,318,259)</u>	<u>(2,660,524)</u>
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		5,863,211	17,630,908
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh		106,755,681	89,124,773
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh		<u>112,618,892</u>	<u>106,755,681</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada :			
Deposit Tetap		70,000,000	59,500,000
Tunai di Tangan		2,346	2,854
Baki Bank		42,616,546	47,252,827
		<u>112,618,892</u>	<u>106,755,681</u>

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar		^Varian Bajet
	Asal RM	Akhir RM	RM	RM	RM
<b>PENERIMAAN</b>					
Urusniaga bukan pertukaran	71,537,654	71,537,654	75,425,920	(3,888,266)	
Urusniaga pertukaran	11,440,400	11,440,400	6,657,066	4,783,334	
	82,978,054	82,978,054	82,082,986	895,068	
<b>PEMBAYARAN</b>					
Emolumen	17,400,074	17,400,074	16,689,534	710,540	
Perkhidmatan dan bekalan	53,189,548	53,634,748	40,933,697	12,701,051	
Pemilikan harta modal	1,595,000	1,595,000	216,673	1,378,327	
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	902,020	1,115,020	786,810	328,210	
Perbelanjaan lain-lain	30,081,139	29,868,139	12,724,885	17,143,254	
	103,167,781	103,612,981	71,351,599	32,261,382	
	(20,189,727)	(20,634,927)	10,731,387	(31,366,314)	

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.



---

---

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi, dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulai.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan serta surat-surat pekeliling akauntan negara Malaysia yang berkaitan.

Majlis menggunakan piawaian perakaunan MPSAS sebagaimana yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 16 Oktober 2017 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 27 November 2017. Pemakaian MPSAS di Majlis Perbandaran Kulai telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am pada 17 Disember 2017 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 28 Disember 2017.

2.1.2. Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.20.2. Sebelum ini Penyata Kewangan Majlis telah disediakan mengikut Prinsip-Prinsip Piawaian Perakaunan Yang Diterima Umum (GAAP) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh majlis.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

## 2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

### 2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

---

---

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan hasil tersebut.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman kecuali notis dan waran bagi cukai taksiran akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

Hasil bagi perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil tersebut kecuali caj pembentungan akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain. Hasil diiktiraf apabila bayaran diterima.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan diiktiraf apabila bil dikeluarkan kecuali sewaan tanpa perjanjian diiktiraf apabila bayaran diterima.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas bayaran diterima.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3. Jika sesuatu aset diperolehi melalui urusanniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Susutnilai dikira mengikut Kaedah Garis Lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar tahunan
Tanah	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2%
Jentera berat	20%
Jentera ringan	20%
Alatan Pejabat	20%
Peralatan dan kelengkapan	20%

2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Hartanah Pelaburan

2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusanniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusanniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.5.4. Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

- 2.5.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.6. Aset Tak Ketara
- 2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.6.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat atau pun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.6.4. Perisian komputer dan antivirus termasuk lesen antivirus bagi tahaun pertama dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.6.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.7. Kerja dalam Kemajuan
- Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

2.8. Aset Kewangan

- 2.8.1. Aset Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.8.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.
- 2.8.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.8.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.8.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

### Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun peruntukan. Pembalikkan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta-merta.

### Penyahiktirafan Aset Kewangan

